



MANISNYA IMAN مانيسن ايمان

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Al-Nahi, ayat 125 :
 "Serulah ke jalan Tuhanmu wahai Nabi Muhammad dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang terbaik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dia yang lebih mengetahui siapa yang sesat daripada jalannya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk".

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.49 | SUBUH 4.59 | SYURUK 6.23 | DUHA 6.47 | ZUHUR 12.19 | ASAR 3.41 | MAGHRIB 6.13 | ISYAK 7.28

Daerah Belait ditambah 3 minit
 Daerah Tutong ditambah 1 minit

THAILAND HALAL ASSEMBLY 2022 : 2 WARGA UNISSA BENTANG KERTAS KERJA



PEMBENTANGAN daripada Pengarah PPHT, Pengiran Dr. Hajah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim pada Aktiviti Halal Awareness Games.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 Disember. - Dua orang staf akademik Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dijemput untuk membentangkan kertas kerja pada Thailand Halal Assembly (THA) 2022 anjuran Chulalongkorn University, Thailand.

Persidangan yang diadakan secara hibrid dari 15 hingga 16 Disember 2022 itu membawakan tema 'Soft Powering of Halal Science, Technology and Innovation'.

Pengarah PPHT, Pengiran Dr. Hajah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim, sebagai pembentang jemputan, membentangkan kertas kerja bertajuk 'Soft Powering of Halal Industry in Brunei Darussalam: Opportunities & Challenges'.

Sementara itu, Nor Surilawana binti Haji Sulaiman, calon PhD dan juga Penolong Pensyarah Sambilan PPHT, merupakan antara peserta yang terpilih untuk membentangkan kertas kerja pada persidangan berkenaan.

Pada akhir sesi pembentangan, pihak penganjur turut mengumumkan bahawa Nor Surilawana binti Haji Sulaiman dengan kertas kerja bertajuk 'Food Waste Conversion to Halal Organic Fertilisers' meraih Anugerah Best Paper.



DAYANG Nor Surilawana binti Haji Sulaiman ketika membentangkan kertas kerjanya.